



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



## MITI KOMITED DALAM MEMASTIKAN RANTAIAN BEKALAN INDUSTRI MALAYSIA KEKAL BERDAYA TAHAN BAGI MEMUPUK DAYA SAING EKONOMI MALAYSIA

---

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2024 - Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang keenam pada kali ini memberi penekanan kepada “**Membina Sekuriti Ekonomi Melalui Rangkaian Bekalan Yang Berdaya Tahan**”. Sebagai sebuah negara yang terbuka kepada pelaburan dan perdagangan, Malaysia amat peka dengan gangguan rantaian bekalan yang disebabkan oleh situasi geo-politik global dan bencana alam. Oleh itu, untuk memastikan ekonomi Malaysia terus berdaya saing, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) komited untuk memastikan rantaian bekalan industri nasional kekal berdaya tahan dan terjamin apabila berhadapan dengan gangguan rantaian bekalan pada masa hadapan.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz berkata, “**Rantaian bekalan global merupakan talian hayat ekonomi dunia yang saling berkait dan melengkap** antara satu sama lain. Keselamatan rantaian bekalan bukan sahaja membolehkan aliran barangan, perkhidmatan dan input yang lancar merentasi sempadan, malahan dapat **menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran sejagat**. Pandemik COVID-19 merupakan peringatan atau **wake-up call** yang jelas **mendedahkan kelemahan** dan seterusnya **menyedarkan** MITI mengenai peri pentingnya **rantaian bekalan industri yang berdaya tahan dan efisien.**”

Semua pihak berkepentingan perlu menggunakan **pendekatan pelbagai serampang** bagi meningkatkan daya tahan rantaian bekalan global. Kerjasama antara Kerajaan, perniagaan dan organisasi antarabangsa adalah mustahak dalam memudahkan **perkongsian maklumat, menyelaras maklum balas** dan membangunkan **piawaian yang seragam**. Ini termasuk keperluan untuk memanfaatkan **teknologi**, mempelbagaikan **pilihan sumber**, memupuk **kerjasama**

serantau dan meningkatkan **keupayaan fleksibiliti** sebagai **strategi utama** dalam **mengukuhkan rantai bekalan** yang **responsif** kepada gangguan rantai.

Pendigitalan memainkan **peranan penting** dalam **mengukuhkan daya tahan dan keselamatan keseluruhan rantai bekalan**, memacu inovasi dan memberi **kelebihan daya saing** dalam pasaran global yang semakin kompleks. Dengan memanfaatkan teknologi digital, Malaysia mampu meningkatkan keupayaannya untuk mencegah dan bertindak balas terhadap gangguan, melaksanakan langkah keselamatan yang teguh, dan menyelaraskan operasi untuk kecekapan dan ketangkasan yang lebih tinggi melalui pendigitalan dalam bentuk sistem, aplikasi dan pusat kecemerlangan maya.

Berdasarkan hasil dapatan sesi libat urus MITI bersama industri dan penglibatan kerjasama dua hala serta pelbagai hala yang disertai oleh MITI, terdapat keperluan untuk mewujudkan **langkah-langkah pencegahan** bagi menghadapi kemungkinan gangguan; **responsif** terhadap gangguan; **ketersediaan** menghadapi gangguan; dan **pemulihan** terhadap gangguan yang dihadapi.

Justeru itu, MPN hari ini memutuskan supaya MITI memulakan inisiatif bagi **membangunkan sebuah platform** yang dapat **meningkatkan kebolehesanan (*traceability*)**; membolehkan capaian berpusat kepada garis panduan; peluang pembiayaan; dan **program sokongan** termasuk memperkukuh perkongsian ilmu dalam kalangan pemain industri sekaligus menggalakkan inovasi serta kerjasama dalam dan luar negara dalam **membina rantai bekalan yang berdaya tahan**.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
14 OGOS 2024



603-8000083



[www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)



[webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)



**MITI**  
MALAYSIA



**PEMACU POTENSI GLOBAL**